

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 12 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Guna bahasa Melayu bidang sains	Utusan Malaysia
2.	Bahasa Melayu bahasa ilmiah	Berita Harian
3.	Pembangunan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan dijangka bermula tahun depan	Bernamea.com
4.	Pusat Nanoteknologi dibina tahun depan	Sinar Harian
5.	Pameran Anugerah Merdeka dan Sketsa Sains	Berita Harian
6.	Pameran Anugerah Merdeka 2013 rangsang anak muda berjaya dalam pelbagai bidang – Raja Nazrin	Bernamea.com
7.	Malaysia hantar angkasawan kedua 2016	Sinar Harian
8.	KSN ketuai 102 penerima darjah kebesaran Selangor	Bernamea.com
9.	70 usahawan ikuti seminar pembangunan perniagaan koperasi	Sinar Harian
10.	A spectacle of Geminids meteor	The Malay Mail

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04  
TARIKH: 12 DISEMBER 2013 (KHAMIS)

Supaya masyarakat faham, mendalami maksud ingin disampaikan  
**Guna bahasa Melayu bidang sains**



Oleh **MOHAMAD HARITH MOHAMAD NIZAR**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 11 Dis. - Golongan profesional dalam bidang sains disaran menggunakan bahasa Melayu dalam laporan dan kajian mereka supaya masyarakat yang membacanya akan faham dan mendalami maksud yang ingin disampaikan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, kementeriaannya tidak pernah menetapkan sesuatu penyelidikan itu perlu dilakukan dalam bahasa Inggeris.

“Setiap permohonan bagi melakukan penyelidikan yang dihantar kepada kementerian lazimnya menggunakan bahasa Inggeris dalam kertas cadangan mereka walaupun tiada syarat yang menyatakan mesti menggunakan bahasa itu.

“Ini bermakna golongan profe-

sional pun tidak mahu menggunakan bahasa Melayu dalam kajian mereka atas sebab yang kita sendiri pun tidak pasti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dalam majlis Anugerah Buku Negara 2013 yang dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara (YBPN) dengan kerjasama Perpustakaan Kuala Lumpur, Universiti Kuala Lumpur (UKL) dan Oxford Centre of Excellence of United Kingdom di sini hari ini.

Menurutnya, terdapat banyak majalah yang berkaitan dengan sains dan teknologi, namun tidak digunakan sepenuhnya oleh masyarakat negara ini.

Yang turut hadir, Ketua Satu Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Prof. Datuk Abdul Latiff Abu Bakar; Setiausaha Bahagian Bioteknologi Kebangsaan (Biotek) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof. Datuk Dr. Mohd. Jamil Maah dan Profesor Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik Uni-

versiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dr. Mohd. Mustamam Abd. Karim.

Sementara itu, Mohd. Mustamam berkata, para saintis perlu mencari satu kaedah untuk menulis dalam gaya bahasa yang mudah untuk difahami pembaca yang bukan dalam bidang sains.

“Adalah sangat penting untuk masyarakat memahami terma yang digunakan dalam sains supaya tidak menimbulkan persepsi yang menyeleweng.

“Apabila pemahaman berkenaan sains dan teknologi tidak sampai kepada masyarakat, perkara itu akan digunakan pihak tertentu untuk memutar-belitkan polisi kerajaan,” katanya.

**ABU Bakar Mohamad Diah (belakang, tujuh kiri) bersama para penerima anugerah pada majlis Anugerah Buku Negara 2013 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.**



# Bahasa Melayu bahasa ilmiah

» Penerbit UTM  
rangkul 4 hadiah  
Anugerah Buku  
Negara 2013

Oleh Nazmi Yaakub  
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**K**emenangan Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merangkul empat hadiah dalam Anugerah Buku Negara 2013 Kategori Industri Buku membuktikan bahasa Melayu berupaya diangkat sebagai bahasa ilmu termasuk bidang sains dan teknologi.

Pengarahnya, Dr Kassim Thukiman, berkata pihaknya memenangi kategori kreatif dan inovatif, kategori kejuruteraan dan kategori Islamik, selain novel terbaik (fiksyen sains dan teknologi) terbitan bersama penerbit swasta.

"Buku itu ditulis sarjana kami iaitu Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang, ketika menjawat Naib Canselor; Muhammad Nazri Mohd Jaafar, Mohammad Shaiful Ashrul Ishak dan Tamar Jaya Nizar.

## Martabat bahasa Melayu

"Kemenangan itu menunjukkan usaha memartabatkan bahasa Melayu perlu memberi penekanan dengan mengangkatnya sebagai bahasa ilmiah," katanya kepada BH selepas Majlis Penyampaian Anugerah Buku Negara 2013 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah menyampaikan hadiah kepada 30 pemenang pelbagai kategori Anugerah Buku Negara 2013.

Kassim berkata, kejayaan memenangi kategori paling banyak melalui buku dalam bahasa Melayu itu memberi semangat kepada Penerbit UTM untuk me-



Abu Bakar bergambar bersama penerima Anugerah Buku Negara 2013 Kategori Industri Buku di PWTC, semalam. [FOTO AZIAH AZMEE/BH]

nerbitkan buku ilmiah dalam bahasa Melayu, sekali gus menjadi petunjuk kepada pihak lain terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

"Sejak awal lagi, Penerbit UTM banyak menerbitkan buku ilmiah dalam bahasa Melayu sehingga pernah mencapai 80 peratus daripada keseluruhan terbitannya, tetapi pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) memberi kesan kepada penerbitan buku ilmiah tanah air mutakhir walaupun ia dilaksanakan di sekolah.

"Justeru dengan kepimpinan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, melalui dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) diharapkan me-

lonjatkan penerbitan buku sains dan teknologi dalam bahasa Melayu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron, berkata kemenangan pihaknya meraih tiga hadiah Anugerah Buku Negara 2013 hasil usaha semua pihak termasuk penulis, editor, penyusun atur dan kakitangan ITBM.



## Pembangunan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan Dijangka Bermula Tahun Depan

MELAKA, 11 Dis (Bernama) -- Pembangunan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan di taman teknologi tinggi Senai, Johor dijangka bermula pada suku pertama tahun depan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata pusat yang akan mengambil masa selama lebih dua tahun untuk disiapkan itu bakal menjadi antara fasiliti penyelidikan termaju di rantau Asia.

"Apabila siap kelak, pusat ini menyediakan fasiliti kajian dan ujian yang moden selain menawarkan platform pengkomersialan bagi kemudahan syarikat berasaskan nanoteknologi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen dan Ekspo Nano Malaysia 2013 di sini, Selasa malam.

Konvensyen tiga hari bermula 10 Dis itu memberi tumpuan kepada bidang aplikasi mikro dan nanoteknologi dalam teknologi bahan; kimia; tenaga dan alam sekitar serta sistem dan peralatan elektronik.

Beliau berkata pembinaan pusat berkenaan yang telah diluluskan kerajaan melalui konsep kerjasama awam-swasta diyakini mampu mempercepatkan inovasi dalam bidang nanoteknologi di negara ini.

Abu Bakar berkata projek berkenaan kini di peringkat perincian termasuk jumlah kos terlibat sebelum ia dilaksanakan.

Dalam pada itu, beliau berkata 2014 akan menjadi tahun pengkomersialan Mosti sebagai usaha mencapai sasaran pengkomersialan 360 produk tempatan menjelang tahun 2020.

Katanya Mosti memperuntukkan sejumlah RM600 juta pada tahun depan bagi pembangunan dan pembiayaan membantu penyelidik tempatan memasarkan produk ciptaan mereka.

-- BERNAMA



## Pusat Nanoteknologi dibina tahun depan

**MELAKA** - Pembangunan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan di taman teknologi tinggi Senai, Johor dijangka bermula pada suku pertama tahun depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pusat yang akan mengambil masa selama lebih dua tahun untuk disiapkan itu bakal menjadi antara fasiliti penyelidikan termaju di rantau Asia.

"Apabila siap kelak, pusat ini menyediakan fasiliti kajian dan ujian yang moden selain menawarkan platform pengkomersialan bagi kemudahan syarikat berasaskan nanoteknologi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen dan Ekspo Nano Malaysia 2013 di sini, kelmarin.

Konvensyen tiga hari bermula semalam itu memberi tumpuan kepada bidang aplikasi mikro dan nanoteknologi dalam teknologi

bahan; kimia; tenaga dan alam sekitar serta sistem dan peralatan elektronik.

Beliau berkata pembinaan pusat berkenaan yang telah diluluskan kerajaan melalui konsep kerjasama awam-swasta diyakini mampu mempercepatkan inovasi dalam bidang nanoteknologi di negara ini.

Abu Bakar berkata projek berkenaan kini di peringkat perincian termasuk jumlah kos terlibat sebelum ia dilaksanakan.

Dalam pada itu, beliau berkata 2014 akan menjadi tahun pengkomersialan Mosti sebagai usaha mencapai sasaran pengkomersialan 360 produk tempatan menjelang tahun 2020.

Katanya Mosti memperuntukkan sejumlah RM600 juta pada tahun depan bagi pembangunan dan pembiayaan membantu penyelidik tempatan memasarkan produk ciptaan mereka. -Bernama

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 8  
TARIKH: 11 DISEMBER 2013 (RABU)

## Pameran Anugerah Merdeka dan Sketsa Sains



Raja Nazrin (kiri) melihat lukisan yang dipamerkan selepas melancarkan Pameran Anugerah Merdeka di Galeri PETRONAS, Suria KLCC. [FOTO AZHAR RAMLI/BH]

**Kuala Lumpur:** Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah semalam merasmikan Pameran Anugerah Merdeka dan Sketsa Sains: Sesi Foto Dengan Penerima Hadiah Nobel di Galeri Petronas, Suria KLCC di sini.

Berucap pada majlis itu, Raja Nazrin bertitah pameran itu yang julung kali diadakan memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat pencapaian dan sumbangan 22 penerima Anugerah Merdeka sejak diperkenalkan pada 2008.

"Pameran ini adalah sebagai penghormatan kepada 22 individu dan dua organisasi iaitu Persatuan Pencinta Alam dan Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang membuat sumbangan pen-

ting dan berkekalan kepada pembangunan dan kemajuan Malaysia," titah baginda.

Pameran Anugerah Merdeka memaparkan 17 potret yang dihasilkan 22 penerima anugerah itu, termasuk Datuk Azman Yusof, Jaafar Taib, Chan Chin Lee, Jeganathan Ramachandran, Rosli Mat dan Loh Bok Lai.

Pameran Sketsa Sains: Sesi Foto Dengan Penerima Hadiah Nobel pula menampilkan 50 potret penerima Hadiah Nobel dan ciptaan mereka yang dirakam jurufoto Jerman, Volker Steger.

Kedua-dua pameran itu yang diadakan serentak dibuka kepada orang ramai bermula jam 10 pagi hingga 10 malam setiap hari sehingga 31 Januari 2014.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah serta Presiden dan Ketua Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Pameran bertemakan 'Anugerah Merdeka: Meraikan Budaya Kecemerlangan' dianjurkan bersama Muzium Nobel, Akademi Sains Malaysia, Galeri Petronas dan Jawatankuasa Anugerah Merdeka.

Raja Nazrin berharap pameran bersepadu - Anugerah Merdeka dan Hadiah Nobel, dapat memberi inspirasi kepada generasi muda untuk membina legasi dengan menjadikan penerimanya sebagai contoh dalam memacu kemajuan negara.





## Pameran Anugerah Merdeka 2013 Rangsang Anak Muda Berjaya Dalam Pelbagai Bidang - Raja Nazrin

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kisah kejayaan penerima Anugerah Merdeka 2013 yang sedang dipamerkan di Galeri Petronas di sini diharap merangsang semangat golongan muda Malaysia untuk mendalami minat mereka dalam pelbagai bidang.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah bertitah pameran itu juga mampu menyemai sikap menghargai seni dan sains yang ditampilkan beberapa karyawan kontemporari terkenal Malaysia dalam karya masing-masing.

"Anugerah Merdeka bertujuan menjengah kembali semangat kemerdekaan sebenar yang merentasi definisi konvensional tentang kedaulatan negara. Ia meneroka kemerdekaan minda dan semangat, faktor yang merangsang ke arah merealisasikan potensi manusia dan usaha memburu kecemerlangan.

"Pameran ini menjadi wadah yang amat berkesan bagi rakyat Malaysia untuk menghayati secara lebih mendalam pencapaian peribadi penerimanya serta menghargai sumbangan besar mereka kepada negara," titah baginda sebelum merasmikan pameran itu hari ini.

### Turut hadir presiden Akademi Sains Malaysia (ASM) Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Raja Nazrin, yang juga pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka bertitah di samping menyerlahkan keindahan karya seni, sisi lebih penting daripada pameran ini ialah kecemerlangan yang dicapai penerima Anugerah Merdeka dalam pelbagai bidang seperti perubatan, seni bina, pendidikan, kebajikan dan pembangunan luar bandar.

Pameran Anugerah Merdeka 2013 memperagakan potret dan foto 22 penerima anugerah berkenaan, termasuk gambar doktor pertama yang melakukan pemindahan hati di negara ini iaitu Tan Sri Dr Yahya Awang dan bapa pendidikan Malaysia Tan Sri Arshad Ayub.

Bertemakan "Anugerah Merdeka: Meraikan Budaya Kecemerlangan", pameran ini diadakan untuk julung kalinya bagi menghargai penerima anugerah berkenaan sejak ia diperkenalkan pada 2007, di samping pameran 'Sketsa Sains: Sesi Foto Bersama Pemenang Anugerah Nobel, anjuran bersama galeri itu dan ASM.

Kuala Lumpur adalah bandar raya ketujuh menjadi hos pameran yang memperagakan 50 potret pemenang Anugerah Nobel serta lukisan tentang pencapaian mereka yang dirakam jurufoto Jerman Volker Steger.



KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BERITA SETEMPAT) : MUKA SURAT 50  
TARIKH: 12 DISEMBER 2013 (KHAMIS)

NOR RAIDAH AWANG

MALAYSIA bercadang menghantar angkasan kedua negara ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) menjelang tahun 2016 selepas misi pertama berjaya dilaksanakan oleh Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor pada 2007 lalu.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Mohd Zamri Shah Mastor berkata, pihaknya kini sedang mengumpul maklumat bagi penyelidikan yang akan dilakukan oleh angkasan kedua negara di ISS.

Menurutnya, penghantaran angkasan kedua juga perlu dilihat dari beberapa aspek seperti kajian cuaca dan juga ekonomi negara.

Mohd Zamri berkata, kos menghantar angkasan ke ISS memerlukan dana yang besar, dan boleh mencecah RM100 juta.

"Cadangan penghantaran angkasan kedua negara sebelum ini telah pun diluluskan oleh Kabinet, tapi ia bergantung kepada keadaan ekonomi negara pada tahun 2016 nanti," katanya.

Terdahulu, Mohd Zamri menjadi ahli panel pada Program Bengkel Astrofotografi bersama media anjuran Yayasan Angkasan Malaysia di Paya Indah Wetland.


Turut hadir dalam program tersebut, Angkasan kedua negara, Mejar Dr Faiz Khaleed dan Yang Dipertua, Persatuan Falak Syarie Malaysia, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer.

Sebelum ini, pada tahun 2007 buat julung kalinya Malaysia telah menghantar angkasan pertama negara Dr Sheikh Muszaphar dengan kerjasama Rusia.

Hasilnya, pelbagai penyelidikan dapat dilaksanakan antaranya membabitkan sel kanser dan leukemia.

Mohd Zamri berkata, buat masa ini, pihaknya merancang meneruskan kerjasama dengan Rusia dan dalam masa sama sedang mempertimbangkan kerjasama dengan Amerika Syarikat (AS), Perancis dan China.

Katanya, kerajaan juga sebelum ini telah meluluskan peruntukan se-



Peserta Program Bengkel Astrofotografi dan petugas media melihat keadaan cuaca sebelum cerapan dilakukan.

## Malaysia hantar angkasan kedua 2016

banyak RM271.9 juta untuk program pembangunan satelit RazakSAT-2 yang merupakan satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi.

"Manakala pada 2018 pula kita akan lancarkan RazakSAT-3 dan kedua-dua satelit ini mempunyai jangka hayat selama tujuh tahun," katanya.

### YAM rangka kerjasama

Ketua Pegawai Eksekutif YAM Rajini Ramlan berkata, bagi meneruskan misi ini, Yayasan Angkasan Malaysia dan Angkasa turut bekerjasama pelbagai pihak dan juga media bagi memastikan penghantaran angkasan kedua negara mencapai objektif diharapkan.

Katanya, YAM juga menganjurkan bengkel astronomi bersama media bagi mempertingkatkan pemahaman mereka berkaitan sains dan teknologi angkasa lepas.

"Cara ini juga mempertingkatkan kesedaran awam berkaitan dengan ilmu angkasa lepas yang dilihat mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah bumi.

"Program angkasa lepas perlu dilihat secara menyeluruh dan bukan hanya sekadar penghantaran angkasan ke ISS sahaja," katanya.

Sementara itu, Mejar Dr Faiz Khaleed bersedia memberikan yang terbaik sekiranya terpilih dihantar ke ISS.

Menurutnya, latihan yang disertai selama setahun sebelum ini berjaya melengkapkan dirinya dengan pelbagai ilmu agar dapat memberikan komitmen yang tinggi apabila berada di ISS kelak.

"Persiapan untuk ke ISS perlu diukur dalam beberapa aspek dinilai iaitu dari segi mental fizikal, akademik, kesihatan dan sebagainya.

"Saya sudah bersedia dan tidak

menolak jika dihantar menyertai latihan tambahan, jadi sekarang terpulang kepada kerajaan untuk menyatakan persetujuan bagi melaksanakan misi tersebut," katanya.

Faiz berkata, dengan keazaman yang tinggi beliau mampu untuk lakukan terbaik.

Mengulas mengenai kepentingan teknologi sains kepada pelajar, beliau berkata, ia adalah usaha yang baik dan sewajarnya diperluaskan dengan menarik lebih ramai penyertaan golongan muda bagi mengetahui apa itu angkasan kepada pelajar sekolah serta universiti.

"Adalah usaha penting bagi memastikan kesedaran awam terhadap kepentingan sains angkasa dan pembentukan modal insan berasaskan sains, teknologi, inovasi dan pembangunan negara dapat dilaksanakan secara terancang, meluas, berkesan, dan berterusan," katanya.

### Teruja melihat cerapan cahaya

Wakil media yang menyertai bengkel teruja apabila dapat merasai pengalaman menarik yang tidak mungkin dapat dilihat dengan mata kasar.

"Kami berpeluang melihat cerapan cahaya yang melintasi Malaysia setiap dua minit pada jam 5 pagi.

"Di samping itu juga, kami dapat melihat sendiri penggerakan ISS dan satelit melintasi Malaysia pada waktu tersebut," kata seorang wartawan akhbar tempatan.

Katanya, selain dapat melihat keindahan alam semula bengkel ini juga memberi satu keinginan kepada kita untuk mengetahui dengan lebih mendalam kehidupan di angkasa lepas.

"Dengan menggunakan teleskop kelihatan juga Planet Musytari," katanya.



**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 12 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**



## **KSN Ketuai 102 Penerima Darjah Kebesaran Selangor**

KLANG, 11 Dis (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa mengetuai senarai 102 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor sempena Hari Keputeraan Ke-68 Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Rabu.

Dr Ali menerima Darjah Kelas Pertama, Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datuk Seri'.

Turut menerima S.P.M.S. ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Senireka Sdn Bhd Datuk Ar Nik Mohamed Nik Mahmood.

Dua menantu lelaki Sultan Selangor iaitu Pengarah, Penerbit dan Penulis Filem Pendek 'Adrenalin', Colin Salem Parbury dan Pengarah Urusan Light Cibles Malaysia, Aubry Rahim Mennesson masing-masing dianugerah Darjah Kelas Pertama, Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S) yang membawa gelaran Datuk Setia.

Turut menerima S.S.I.S ialah Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan darjah dan bintang kebesaran berkenaan pada satu majlis yang diadakan di Balairong Seri Istana Alam Shah Klang.

Seramai 11 orang menerima Darjah Kelas Kedua, Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) yang membawa gelaran Datuk.

Mereka ialah Panglima Angkatan Bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Leftenan Jeneral Datuk Abu Bakar Md Said; Panglima 3 Briged Markas Tentera Darat Brigadier Jeneral Mohd Nazir Mami; Panglima Bantuan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Laksamana Pertama Abdul Aziz Md Sani; Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi Datin Ir Dr Siti Hamisah Tapsir; Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Dr Soh Chee Seng; Pegawai Daerah Sepang Haris Kasim; Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad, Tan Sri Bashir Ahmad Abdul Majid dan Ketua Pegawai Operasi Sime Darby Berhad, Datuk Abdul Wahab Maskan.

Dua pengamal media yang turut mendapat D.P.M.S ialah Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Penerbit Kumpulan Media Karangkrak Sdn Bhd, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad Datuk Abdul Aziz Ishak.



Seramai 13 orang menerima Darjah Kelas Kedua, Darjah Kebesaran Datuk Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) yang juga membawa gelaran Datuk.

Mereka ialah Asisten Ketua Staf Logistik, Markas Tentera Darat Brigedier Jeneral Abdul Khalid Hamzah; Asisten Ketua Staf Sumber Manusia TLDM Laksamana Pertama Sabri Zali; Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof Dr Mohd Yazid Abd Manap; Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr Jawiah Dakir; penulis buku Prof Dr Cheah Jin Seng; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia Mohd Naim Daruwish; Pengarah Jabatan Pendidikan Selangor, Mahmud Karim.

Pengurus Besar Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Ali Ahmad; Setiausaha Kehormat Persatuan Bola Sepak Selangor S. Anthonysamy; Timbalan Presiden Bola Sepak Selangor Mazlan Harun; Anggota Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor Norazharuddin Abu Talib; Doktor pakar pergigian Dr Geoffrey S.A. Chung dan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers Malaysia, Mohammad Faiz Mohammad Azmi.

Seramai 13 orang menerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (S.M.S) iaitu Pengarah Kanan Kejuruteraan TLDM Laksamana Pertama Ir Hairuddin Ayob; Kolonel Inspektorat Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Markas Angkatan Tentera Malaysia Kolonel Zulkifli Zainal Abidin; Pegawai Memerintah Hospital Angkatan Tentera Wilayah Kota Kinabalu Kolonel Khairuddin Husain.

Pengarah Operasi Khas TLDM Kapten Anuar Alias; Pengarah Pusat Hidrografi dan Oseanografi Pusat Hidrografi Nasional Pangkalan TLDM Pulau Indah Kapten Zaharuddin Mohd Maideen; Komander Pangkalan Udara Kuching TUDM Kolonel Jumali Selamat; Ketua Staf Tim Pemerhati Antarabangsa Mindanao TUDM, Kolonel Muhamad Shafiq Jahudi.

Pengerusi Pusanita Jabatan Audit Negara, Puan Sri Hajah Hindon Yusoff; Penasihat Undang-undang UPM Prof Madya Dr Rozanah Ab Rahman; Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Timbalan Naib Canselor UPM, Hashim Md Shari dan **Pengarah Bahagian Meteorologi Radar Jabatan Meteorologi Malaysia, A. Kamiluddin Ibrahim.**

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Arjunaidi Mohamed dan Ketua Polis Daerah Kajang ACP Ab Rashid Ab Wahab turut menerima S.M.S.

Sementara itu, dua pengamal media adalah antara 15 penerima Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S) iaitu Penolong Pengarang Utusan Malaysia, Zulkefli Hamzah dan Penerbit Eksekutif Kanan TV3, Azmi Atan.

Selain itu, editor meja berita Star Publications (M) Bhd, Loong Meng Yee adalah antara 18 penerima Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S).

Seramai 19 orang termasuk Imam Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Al-Fadhil Ustaz Abdulkarim Maaseng menerima Darjah Kebesaran Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S) dan tujuh orang menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C).

-- BERNAMA



# 70 usahawan ikuti seminar pembangunan perniagaan koperasi

KORPORAT

**S**ERAMAI 70 usahawan dan anggota koperasi sekitar Sandakan, Sabah memperoleh manfaat menerusi seminar pembangunan perniagaan berkaitan hasil laut anjuran Bank Rakyat.

Seminar terbabit yang berlangsung pada 21 November lalu bertujuan menyerlahkan peranan Bank Rakyat sebagai organisasi yang serius dalam membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) serta kategori mikro yang terlibat dalam bidang produk hasil laut.

Tidak ketinggalan, bank itu turut menyediakan khidmat bimbingan dan latihan serta kemudahan pembiayaan perniagaan yang sesuai kepada usahawan memperluaskan aktiviti perniagaan mereka.

Bagi memantapkan pengisian seminar, tiga penceramah dari Lembaga Ikan Malaysia (LKIM), SIRIM dan Unit Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan diundang menyampaikan taklimat dan penerangan mengenai bidang berkaitan untuk panduan dan kefahaman peserta.

Menurut Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi LKIM Sabah,



PENCERAMAH dari LKIM memberi penerangan kepada peserta mengenai kemudahan dan khidmat sokongan yang disediakan agensi berkenaan dalam membantu usahawan.

Izzul Rahimi Ibrahim, LKIM sentiasa membantu menyediakan khidmat sokongan yang melibatkan latihan, pemasaran dan

pelbagai bentuk sokongan yang diperlukan usahawan. Antaranya mewujudkan premis pemprosesan yang mencapai pensijilan keselamatan

makanan.

Agensi itu juga katanya sentiasa menggalak pengusaha mengguna peralatan dan teknologi dalam bidang

pemprosesan selain mempelbagaikan pengeluaran produk baru dan sedia ada yang boleh memenuhi kehendak pasaran.

Sementara itu, Pengarah SIRIM Berhad, Khairan Untoh menegaskan usahawan seharusnya menitikberatkan kualiti pembungkusan produk yang dapat membina pengiktirafan serta kesetiaan pelanggan di samping memastikan pengukuhan jenama produk dan seterusnya memperluaskan pasaran.

Ketua Penolong Pengarah Unit Kawalan Eksport, Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Sabah, Lim Chui Ngoh pula menjelaskan kepentingan pengurusan dan pelaksanaan program jaminan keselamatan makanan bagi meningkatkan tahap keselamatan sesuatu produk makanan untuk kebaikan semua pihak.

Menurut beliau, usahawan IKS juga akan diberi bimbingan bagi memenuhi keperluan MeSTI (merangkumi keperluan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009) dan keperluan pelabelan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1995.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (NATIONAL) : MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 12 DISEMBER 2013 (KHAMIS)**

## **A spectacle of Geminids meteor**

THE ongoing Geminids meteor showers are expected to display about 120 showers an hour during its peak tomorrow and on Saturday.

According to the **National Space Agency**, the best time to observe this would be from midnight on tomorrow until dawn on Saturday.

For further information, contact the National Planetarium at **03-22734303** or **03-22734301**.

— Bernama